

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YBP 302 - Penilaian Bahan-Bahan Komunikasi
Untuk Pembangunan

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Penerbit sebuah majalah wanita ingin meninjau pendapat khalayak pembaca tentang majalahnya. Kebanyakan dari pembaca berumur di antara 25-40 tahun dan tinggal di bandar.
 - a. Cadangkan kaedah penyelidikan dan persampelan yang sesuai dan memberi alasan untuk setiap cadangan anda. Sediakan soalselidik (secara kasar) untuk tujuan yang sama.
 - b. Sekiranya jualan majalah telah merosot pada enam bulan kebelakangan ini, anda diperlukan mengkaji sebab-sebab tuntutan majalah telah menyusut. Cadangkan kaedah yang sesuai untuk mengumpul data yang lengkap (lebih dari satu kaedah) dan memberi alasan untuk cadangan anda.

(40 markah)

2. Andaikata anda memilih sekumpulan pelajar yang paling lemah untuk mengikuti kursus 'remedial'. Selepas kursus, tahap pengetahuan pelajar diukur dan keputusan menunjukkan pencapaian keseluruhan telah meningkat.

Mengikut pendapat anda, apakah masalah yang mungkin "mengancam" kesahihan kajian anda?

(30 markah)

...2/-

3. Sebuah kajian telah dijalankan untuk menilai sikap perkauman pelajar sekolah rendah. Selepas mengikuti kursus perhubungan kaum selama satu tahun, tahap sikap perkauman pelajar yang sama diuji untuk mengesan sebarang perubahan, sekiranya berlaku.

Mengikut pendapat anda, apakah masalah yang mungkin berlaku dan "mengancam" keputusan kajian anda.

(30 markah)

4. Huraikan setiap langkah yang terlibat dalam penyediaan:

- (a) proses mengekod data untuk penganalisaan komputer;
- (b) pra-ujian buku panduan kawalan musuh padi di kalangan juruteknik pertanian;
- (c) carta pie (dengan angka-angka sendiri).

(30 markah)

-oooOooo-